

PEMILIHAN KERJAYA PELAJAR TINGKATAN 6 ATAS DI SEKOLAH  
MENENGAH KLUSTER DI KELANTAN

ZAIROSLAWANEE BINTI ZAIB

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2014

## ABSTRAK

Setiap individu berkehendakkan suatu kerjaya yang dapat menjamin kehidupan pada masa hadapan. Pemilihan kerjaya bukanlah suatu perkara yang mudah dan seseorang itu lazimnya akan dipengaruhi oleh pengetahuan serta faktor-faktor yang ada di persekitarannya semasa proses pemilihan kerjaya itu berlaku. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti minat kerjaya pelajar berdasarkan personaliti Holland, perbezaan minat kerjaya antara jantina, pendedahan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 136 orang pelajar daripada Tingkatan 6 Atas di sekolah-sekolah menengah kluster di Kelantan. Set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Semua data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 16.0. Hasil kajian mendapati pelajar-pelajar ini cenderung kepada jenis personaliti Sosial. Analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan. Pendedahan yang mereka terima di sekolah adalah pada tahap yang memberangsangkan dimana pihak sekolah sentiasa memberikan maklumat mengenai kerjaya kepada pelajar. Keputusan kajian juga mendapati bahawa faktor minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya.

## ABSTRACT

Every individual desires a career that will guarantee their future life. The choice of career is not an easy task and will normally influenced by knowledge and factors during the process of career selection. Therefore, this study aims to identify career interests of students based on Holland's personality, the difference of career interest between the gender, career exposure and factors that influence the career choices of students. The sample consisted of 136 students from Upper 6 of secondary clusters schools in Kelantan. The questionnaires were used in this study. All data obtained from the questionnaires were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 16.0. The study found that these students tend to Social personality type. The analysis showed no significant difference about career interests between the genders. Career exposure that they receive in school is impressive where the school is always give information about career to the students. The study also found that the factor of interest is the main factor affecting students in making career choices.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI  
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI  
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI

**KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN/ISTILAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar Belakang Masalah 3
1.3	Pernyataan Masalah 5
1.4	Objektif Kajian 6
1.5	Persoalan Kajian 6

1.6	Hipotesis	7
1.7	Kepentingan Kajian	7
1.8	Kerangka Kajian	8
1.9	Skop Kajian	9
1.10	Batasan Kajian	9
1.11	Definisi Terminologi	10
	1.11.1 Kerjaya	10
	1.11.2 Minat Kerjaya	10
	1.11.3 Personaliti	11
	1.11.4 Pendedahan	11
	1.11.5 Pemilihan Kerjaya	11
1.12	Rumusan	12
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>		
2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Minat	14
2.3	Kerjaya	15
	2.3.1 Teori Pemilihan Kerjaya Holland	15
2.4	Kajian Mengenai Faktor Jantina dalam Pemilihan Kerjaya	18
2.5	Pendedahan	19
	2.5.1 Unit Bimbingan dan Kaunseling	20
	2.5.2 Program Kerjaya	22
2.6	Pemilihan Kerjaya	24



2.6.1	Faktor-faktor yang Mendorong Pemilihan Kerjaya	25
2.7	Kajian Dalam Negara	27
2.8	Kajian Luar Negara	28
2.9	Rumusan	29
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Kerangka Operasi Kerja	31
3.4	Kawasan Kajian	34
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	34
3.6	Instrumen Kajian	35
3.6.1	<i>Self Directed Search Form Easy (SDS-E)</i>	38
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	39
3.8	Kajian Rintis	40
3.9	Pengumpulan Data	42
3.10	Analisis Data	42
3.11	Rumusan	43
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	44
4.2	Analisis Data Maklumat Responden	45
4.2.1	Responden Mengikut Jantina	45
4.2.2	Responden Mengikut Sekolah	46



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

4.3	Analisis Persoalan Kajian	
4.3.1	Minat kerjaya berdasarkan personaliti RIASEK Holland	47
4.3.2	Perbezaan minat kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan	48
4.3.3	Pendedahan yang telah diberikan oleh pihak sekolah mengenai alam pekerjaan	50
4.3.4	Faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar	52
4.4	Rumusan	54

## **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	55
5.2	Perbincangan	55
5.2.1	Minat kerjaya pelajar berdasarkan personaliti RIASEK Holland yang paling dominan yang dimiliki oleh pelajar	56
5.2.2	Perbezaan minat kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan	61
5.2.3	Pendedahan yang telah diberikan oleh pihak sekolah mengenai alam pekerjaan	63
5.2.4	Faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar	65
5.3	Kesimpulan	67
5.4	Cadangan	69
5.5	Rumusan	70

**RUJUKAN**

**71**

**LAMPIRAN**

**77**





## SENARAI JADUAL

3.1	Populasi dan persampelan kajian	35
3.2	Instrumen kajian	36
3.3	Skor pemberatan Skala Likert	37
3.4	Tahap kecenderungan keputusan	37
3.5	Pembahagian item dalam alat ukur SDS-E	38
3.6	Interpretasi skor <i>Aplha Cronbach</i>	40
3.7	Kebolehpercayaan kajian rintis terhadap borang soal selidik	41
3.8	Pemilihan kaedah analisis data berdasarkan persoalan kajian	43
4.1	Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	45
4.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut sekolah	46
4.3	Jenis personaliti dan nombor item soal selidik	47
4.4	Bilangan dan peratusan responden mengikut jenis personaliti.	48
4.5	Hasil analisis Ujian Khi kuasa dua	49
4.6	Skor min bagi setiap item pendedahan yang diberikan oleh pihak Sekolah	50
4.7	Skor min bagi setiap item faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar.	52

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Kajian	8
3.1	Kerangka Operasi	33



## SENARAI SINGKATAN / ISTILAH

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
RIASEK	-	Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising, Konvensional
R	-	Realistik
I	-	Investigatif
A	-	Artistik
S	-	Sosial
E	-	Enterprising
K	-	Konvensional
SDS-E	-	<i>Self-Direct Search-Form Easy</i>



**SENARAI LAMPIRAN**

- A Borang Soal Selidik
- B Analisis Kajian Rintis
- C Analisis Kajian Sebenar
- D Analisis Data
- E Jadual Krejcie & Morgan
- F Carta Gantt
- G Pengesahan Pakar
- H Surat Kebenaran



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun dan ke arah mencapai status negara maju. Seiring dengan pembangunan negara, Malaysia memerlukan pakar-pakar dan modal insan yang berpengetahuan bagi mentadbir dan memimpin negara. Walaupun telah banyak peluang yang ditawarkan oleh agensi kerajaan mahupun persendirian, masih lagi timbul isu pengangguran di Malaysia (Abdullah, 2001).

Masih ramai graduan yang menganggur walaupun mereka sudah beberapa tahun menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Daripada Laporan Perangkaan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang disiarkan pada 21 November 2013, pasaran buruh menunjukkan perkembangan positif pada September 2013 dengan pertambahan penduduk bekerja seramai 131,300 orang (1.0%) kepada 13.8 juta orang. Pertambahan penduduk bekerja ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Namun, terdapat seramai 443,200 orang penduduk menganggur, meningkat sedikit daripada 441,800 orang (1.4%) pada bulan sebelumnya. Lanjutan itu, kadar pengangguran kekal pada paras 3.1 peratus (3.1%) pada September 2013. Kadar pengangguran diperhatikan lebih rendah 0.1 peratus jika dibandingkan dengan catatan pada September 2012 iaitu 3.2 peratus (3.2%). Pengangguran dalam kalangan siswazah merupakan satu pembaziran, khususnya kepada negara kerana kos pendidikan dan

latihan yang ditanggung oleh kerajaan amatlah tinggi dan tempoh masa untuk mendapatkan ijazah adalah panjang (Yussof, Ismail & Sidin, 2008).

Pekerjaan merupakan suatu aktiviti yang penting dalam kehidupan, dan individu akan berasa puas dengan kehidupannya apabila memiliki sesuatu pekerjaan yang tetap serta terjamin. Malah pekerjaan dapat memperlihatkan status masyarakat, tahap ekonomi dan pendapatan serta taraf hidup seseorang individu. Menurut Abdullah (2001) kebanyakan siswazah yang menganggur ini bukannya kerana tidak mendapat pekerjaan atau tidak menerima sebarang tawaran pekerjaan tetapi mungkin tugas yang ditawarkan tidak bersesuaian dengan mereka. Kebanyakan siswazah masih mencari pekerjaan lain yang mana tawaran pekerjaan yang diterima dirasakan tidak bersesuaian dengan status mereka sebagai bekas penuntut universiti.

Menurut Mohd Noah dan Jaamat (1998) pelajar sekolah khususnya sekolah menengah sering menghadapi masalah dalam pemilihan kerjaya. Masalah-masalah yang sering dihadapi ialah tidak dapat membuat keputusan, kurang maklumat tentang diri dan kerjaya, tiada kepastian tentang kerjaya yang dipilih, kurang minat untuk merancang dan tidak mampu menyelesaikan masalah. Masalah-masalah ini berkait rapat dengan kurangnya kematangan kerjaya. Seperti yang dinyatakan oleh Mat Jusoh (2012), kesedaran tentang peluang kerjaya penting bagi pelajar agar dapat menceburi alam pekerjaan yang diminatinya pada masa hadapan.

Kemajuan yang begitu pesat pastinya melahirkan persaingan yang membawa kepada perubahan-perubahan hidup terutamanya dalam bidang pekerjaan, kekeluargaan dan kehidupan seharian (Yusof, 2013). Oleh yang demikian, memilih dan menentukan dunia pekerjaan di masa kini dan akan datang adalah sangat penting dan signifikan bagi setiap individu. Begitu jugalah dengan pelajar-pelajar, kerana fenomena pemilihan kerjaya atau pekerjaan pasti akan mereka lalui. Menurut Yusof (2013) lagi, pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan personaliti amat penting dalam menentukan corak hidup masa hadapan. Mereka harus membuat pilihan dan keputusan, seterusnya merancang supaya kerjaya yang akan mereka ceburi kelak dapat memberi kepuasan bekerja semaksimanya agar mereka dapat menjadi pekerja yang produktif, berkualiti dan

komited dengan kerjanya serta bersesuaian pula dengan kehendak-kehendak wawasan negara mahu menjadi negara maju pada tahun 2020.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Isu pengangguran telah menjadi satu isu sensitif kepada masyarakat terutama golongan siswazah. Pengangguran merupakan satu penyakit era globalisasi yang semakin menular ke negara ini. Saban tahun negara kita dikejutkan dengan isu kegagalan belia terutama golongan siswazah untuk memperoleh pekerjaan. Antara faktor yang terlibat dalam permasalahan tersebut adalah kerana kesilapan dalam memilih kursus pengajian setelah tamat pengajian. Ini menyebabkan remaja semakin runsing dan kusut terutamanya bagi remaja yang tidak dapat mengagak dengan baik tentang minat, kebolehan, kemahiran dan personaliti mereka (Abdullah, 2001). Hasilnya kerjaya yang dipilih tidak bersesuaian dengan minat mereka.

Pelajar yang tidak dapat menentukan minat dan kemahiran mereka akan membuat kesilapan dalam memilih kursus pengajian kelak. Ketua pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Radin Umar dalam petikan dari Berita Harian Online pada April 2009 mengatakan analisis data permohonan ke IPTA sebelum ini menunjukkan terdapat kecenderungan pelajar memilih program pengajian melebihi tahap kemampuan pelajar tersebut. Beliau berkata, strategi terbaik dalam pemilihan kursus di IPT adalah bersesuaian dengan minat, kebolehan serta tahap kemampuan pelajar. Justeru, beliau menasihatkan pelajar yang ingin melanjutkan pengajian supaya meneliti semua pilihan program pengajian yang ada supaya pilihan dibuat berasaskan pengetahuan dan bukan sekadar ikutan kerana ia adalah penentu masa depan kerjaya mereka. Menurut Abdullah (2006) ada sebilangan pelajar yang masih tidak mengenalpasti minat sebenar mereka dalam memilih bidang pengajian di universiti dimana bidang pengajian yang dipilih tidak selaras dengan personaliti mereka.

Fenomena ini menunjukkan perlunya ada persediaan untuk menentukan kerjaya individu sebelum menempuh alam pekerjaan yang sebenarnya. Oleh yang demikian, antara faktor penting atau persediaan yang perlu ada sebelum membuat pemilihan kerjaya ialah minat dan pengetahuan dalam bidang yang ingin mereka ceburi (Coulter-Kern, Schenkel, Walker & Fogle, 2013).

Pendidikan bukan hanya menyediakan pelajar mengenai pengetahuan semata-mata tetapi pendidikan menyediakan mereka untuk kehidupan selepas sekolah atau institusi pengajian tinggi (Hamat, 2001). Pelajar sekolah menengah masih belum dapat menentukan minat dan kerjaya yang akan dipilih kerana kurangnya pengetahuan dan pendedahan tentang pemilihan kerjaya di sekolah. Akibat dari kekurangan pendedahan tentang alam pekerjaan, pelajar akan memandang remeh mengenai pilihan kursus pengajian di universiti. Siswazah yang menamatkan pengajian dalam bidang yang tidak mereka minati seterusnya akan mengelak untuk menceburi profesion dalam bidang tersebut dan ini secara langsung akan meningkatkan kadar pengangguran. Oleh itu adalah penting bagi setiap pelajar untuk mengetahui minat masing-masing sebelum membuat pemilihan kursus di universiti pilihan supaya kursus yang dipilih akan menjamin peluang pekerjaan dalam bidang yang mereka inginkan.

Kebanyakan pelajar di Malaysia membuat pemilihan kerjaya tanpa berdasarkan perancangan awal yang sistematik. Menurut Boon dan Ilias (2011), analisis pemilihan kerjaya menunjukkan bahawa terdapat pelbagai jenis gaya pemilihan kerjaya yang diamalkan oleh para pelajar iaitu:

- (i) Terdapat pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang skop pemilihan kerjaya kerana kurangnya pengetahuan dan tidak mahu mengenali jenis kerjaya yang baru. Mereka lebih mudah memilih kerjaya berdasarkan apa yang terdapat di persekitaran mereka sahaja. Keadaan ini menyebabkan mereka memilih kerjaya berdasarkan apa yang pernah dilakukan oleh anggota keluarga atau apa yang dilihat secara zahir berdasarkan ruang lingkup persekitaran.
- (ii) Sebahagian besar pelajar terpengaruh dengan keistimewaan sesuatu bidang kerjaya tanpa meneliti keburukan dan kesulitan yang mungkin ditempuhi.



- (iii) Kebanyakan pemilihan kerjaya dipengaruhi oleh kemahuan atau tekanan ibu bapa atau ahli keluarga disebabkan kecetekan pengetahuan mengenai bidang pengajian bagi kerjaya lain.
- (iv) Sistem dan ganjaran gaji juga memainkan peranan penting dalam memikirkan sesuatu kerjaya yang melibatkan ganjaran gaji yang lumayan, pekerjaan yang mudah dan tidak mencabar.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pemilihan kerjaya merupakan satu proses yang sangat kompleks. Walaupun terdapat pelbagai jenis pekerjaan yang boleh diceburi, namun bagi golongan remaja atau lepasan sekolah yang mempunyai pengetahuan dan maklumat serta perhubungan yang sangat terbatas tentang dunia pekerjaan sememangnya memerlukan bimbingan. Remaja ini memerlukan maklumat, bimbingan dan motivasi yang cukup agar dapat membantu mereka memilih kerjaya yang sesuai dengan jiwa mereka (Yussof *et al.*, 2008). Keputusan di peringkat SPM dan STPM penting kerana ia bakal menentukan hala tuju pelajar, samada mencongak ke menara gading, memohon pekerjaan atau mengambil jurusan kemahiran atau teknikal. Bagi yang telah bersedia, mereka sudah tahu apa yang patut dilakukan selepas mendapat keputusan peperiksaan. Namun begitu, masih ramai yang keliru serta tidak tahu hala tuju mereka. Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan mengenai halatuju pelajar Tingkatan 6 Atas yang merangkumi minat, perbezaan minat kerjaya antara jantina serta pendedahan mengenai kerjaya yang mereka terima di sekolah. Selain itu, faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar juga akan dikenalpasti. Pelajar Tingkatan 6 Atas dipilih sebagai responden kerana mereka berada di peringkat membuat keputusan sebelum memasuki universiti dan alam pekerjaan.

#### 1.4 Objektif Kajian

Objektif yang perlu dicapai oleh penyelidik dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Menenalpasti minat pelajar mengenai kerjaya berdasarkan personaliti RIASEK Holland.
- (ii) Menenalpasti samada terdapat perbezaan minat kerjaya di antara pelajar lelaki dan perempuan.
- (iii) Menenalpasti pendedahan yang telah diberikan oleh pihak sekolah mengenai alam pekerjaan.
- (iv) Menenalpasti faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar.

#### 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian merangkumi empat soalan seperti berikut:

- (i) Apakah minat kerjaya pelajar berdasarkan jenis personaliti RIASEK Holland yang paling dominan yang dimiliki oleh pelajar?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan minat kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
- (iii) Apakah pendedahan yang telah diberikan oleh pihak sekolah mengenai alam pekerjaan?
- (iv) Apakah faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar?

## 1.6 Hipotesis

Berdasarkan kepada persoalan kajian yang kedua, satu hipotesis telah dibuat iaitu:

$H_0$ : Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara minat kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan Tingkatan 6 Atas.

$H_1$ : Terdapat perbezaan min yang signifikan antara minat kerjaya di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan Tingkatan 6 Atas.


## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini membantu penyelidik mengenalpasti minat kerjaya berdasarkan personaliti yang paling dominan yang dimiliki oleh pelajar Tingkatan 6 Atas, perbezaan minat kerjaya berdasarkan jantina, pendedahan yang diberikan oleh pihak sekolah serta faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar. Adalah diharapkan hasil kajian ini akan dijadikan rujukan dan panduan untuk:

- (i) Membantu pihak sekolah untuk melihat kecenderungan pelajar terhadap sesuatu bidang dan seterusnya memberi pendedahan sewajarnya.
- (ii) Membantu pihak sekolah mengesan minat dan kemahiran pelajar dan seterusnya memperkembangkan minat dan kemahiran tersebut dengan memberi bimbingan.
- (iii) Membantu guru-guru menentukan pendekatan dan kaedah pengajaran yang bersesuaian bagi merangsang pembelajaran pelajar.
- (iv) Membantu pelajar mengenalpasti minat dan kebolehan diri seterusnya membuat pemilihan kerjaya yang betul.
- (v) Kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan untuk menentukan pakej-pakej pengkhususan bidang atau mata-mata pelajaran tertentu di sekolah-sekolah. Hal

ini dilaksanakan mengikut kesesuaian personaliti pelajar dengan aliran yang sesuai dengan mereka.

## 1.8 Kerangka Kajian



Rajah 1.1: Kerangka Kajian

Kajian ini adalah untuk menentukan minat pelajar mengenai kerjaya, pendedahan yang diterima oleh pelajar mengenai aspek kerjaya serta faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar. Penyelidik ingin mengkaji pengaruh ketiga-tiga aspek tersebut dalam menentukan kerjaya pilihan pelajar.

## 1.9 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar tahun akhir iaitu pelajar Tingkatan 6 Atas di tujuh (7) buah sekolah menengah kluster di Kelantan. Pengkaji hanya mengkaji minat kerjaya berdasarkan personaliti pelajar, perbezaan minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan, pendedahan yang diberikan oleh pihak sekolah mengenai kerjaya serta faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar. Soal selidik yang digunakan adalah gabungan daripada alat ukuran *Self-Direct Search-Form Easy (SDS-E)* versi Amla (1984) yang telah disesuaikan daripada *Self-Direct Search Holland* (1977) serta soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik.

## 1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini terbatas dalam beberapa keadaan seperti berikut:

- (i) Responden hanya terdiri daripada pelajar Tingkatan 6 Atas sahaja.
- (ii) Responden adalah daripada tujuh (7) buah sekolah yang mempunyai Tingkatan 6 sahaja daripada keseluruhan 13 buah sekolah kluster di Kelantan.
- (iii) Penyelidik hanya menggunakan satu bahagian sahaja dari tiga bahagian daripada alat ukuran SDS-E tersebut iaitu pengukuran kesukaan.

## **1.11 Definisi Terminologi**

Definisi istilah adalah amat penting dalam sesuatu kajian kerana ianya dapat mengelakkan kekeliruan kepada pembaca. Ia dapat membantu pembaca mengetahui konsep sebenar atau apa yang ingin dikaji oleh penyelidik. Oleh itu, definisi istilah ini dapat menerangkan maksud sebenar sesuatu istilah yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.11.1 Kerjaya**

Kerjaya adalah penglibatan secara berterusan dalam sesuatu bidang serta perkembangan dan kemajuan seseorang bagi mencari nafkah atau menyambung kehidupan. Kerja pula ditakrifkan sebagai usaha, pekerjaan, tugas atau sesuatu urusan yang dilakukan dengan perbuatan (Mansor, 2012). Kerjaya bukan sekadar tempoh pekerjaan seseorang, malahan meliputi tempoh persekolahan sehingga seseorang mencapai tempoh persaraan (Super, 1972). Kerjaya juga merupakan keperluan psikologi, ekonomi dan sosial individu dan ini direalisasikan dengan bekerja sehingga berjaya (Che Din, 2002). Kerjaya yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kerjaya pilihan pelajar.

### **1.11.2 Minat Kerjaya**

Minat kerjaya adalah kecenderungan pelajar terhadap sesuatu kerjaya dan segala minat terhadap aktiviti pekerjaan. Rasa suka terhadap sesuatu bidang tertentu dan semangat untuk belajar mengenainya (Abdullah, 2001).

### **1.11.3 Personaliti**

Personaliti bermaksud suatu susunan pola-pola tingkah laku seseorang individu yang dijelmakan dalam kehidupan seharian (Minhat, 2004). Dalam kajian ini personaliti bermaksud trait yang dimiliki oleh seseorang individu berdasarkan kepada Teori Kerjaya Holland yang telah menggariskan enam jenis personaliti iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising, dan Konvensional.

### **1.11.4 Pendedahan**

Pendedahan dalam kajian ini merujuk kepada pendedahan mengenai kerjaya yang diterima oleh pelajar di sekolah. Antaranya, pendedahan secara lisan oleh guru di dalam kelas atau aktiviti, seminar, lawatan, program, dan kem kerjaya yang dianjurkan oleh pihak sekolah (Hamat, 2001).

### **1.11.5 Pemilihan Kerjaya**

Pemilihan kerjaya merupakan satu proses perkembangan dimana ia bukan hanya satu keputusan tetapi satu siri aktiviti menentukan keputusan dalam tempoh tertentu dan setiap keputusan itu pula mempengaruhi keputusan selanjutnya (Ginzberg, Ginsburg, Axelred & Herma, 1966). Menurut Abdul Ghani dan Ahmad Kamil (2011) pula, pemilihan kerjaya adalah bidang kerja atau jenis-jenis kerjaya yang menjadi pilihan pelajar.

### 1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya, Bab 1 iaitu bab pengenalan ini menjadi penanda kepada penyelidik untuk sentiasa merujuk bagi memastikan kajian sentiasa berada dalam landasannya. Ianya adalah supaya penyelidik tidak tersasar daripada objektif serta skop kajian. Keseluruhan bab ini membincangkan mengenai fokus utama kajian yang meliputi minat, perbezaan minat kerjaya antara jantina, pendedahan dan juga faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan 6 Atas. Pemilihan kerjaya adalah sangat penting dalam menentukan masa depan pelajar.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan aktiviti dimana pengkaji akan mengemukakan segala rujukan yang diperolehi untuk mengukuhkan tajuk kajian. Rujukan-rujukan yang dikemukakan secara kritikal dan sistematik ini adalah saling berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan (Mohamad, 2012).

Pemilihan kerjaya yang betul adalah penting yang mana ianya akan mencorakkan masa depan individu. Sesuatu pekerjaan yang dijalankan dengan penuh minat dan tanggungjawab akan memberikan kepuasan bekerja yang sebenar. Oleh itu, adalah sangat penting kepada setiap pelajar untuk menentukan bidang yang mereka minati sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Kajian ini adalah berdasarkan kepada keperluan untuk mengenalpasti tahap minat pelajar dan perbezaan minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan serta menentukan pendedahan-pendedahan yang telah diberi oleh institusi sebelum pelajar melakukan pemilihan kerjaya. Selain itu, faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya juga akan dikenalpasti.

## 2.2 Konsep Minat

Minat merupakan elemen penting dalam merangsang individu untuk melakukan perkara yang disukainya. Minat yang kuat terhadap sesuatu akan mendorong seseorang melakukannya secara sukarela. Contohnya pelajar yang meminati subjek Matematik akan memberi perhatian sepenuhnya dalam kelas dan berusaha menyelesaikan soalan yang diberi oleh guru. Biasanya perkataan minat dikaitkan dengan keseronokan. Keseronokan menurut Abdullah (2001) adalah satu perasaan yang wujud dalam diri seseorang disebabkan rasa suka, gembira dan bahagia (selesa) dengan sesuatu perkara yang dilakukan. Perasaan ini akan mempengaruhi sikap (rajin atau malas) dan reaksi (tersenyum atau monyok) seterusnya memberi kesan kepada persekitaran termasuklah manusia sekeliling.

Menurut Mohamad (2012), minat adalah dimaksudkan dengan kecenderungan, kesukaan atau keinginan pelajar untuk mempelajari dan menguasai kursus-kursus di dalam program yang diikuti. Dengan kata lain, minat merujuk kepada darjah kesukaan atau ketidaksukaan pelajar terhadap kursus-kursus tersebut. Kesediaan, kesukaan, keinginan dan kecenderungan pelajar mengikuti pembelajaran yang meliputi sesi pembelajaran di dalam kelas mahupun di luar kelas dikategorikan sebagai minat.

Berdasarkan pernyataan Abdul Ghani dan Ahmad Kamil (2011), pelajar-pelajar yang memohon memasuki universiti biasanya memilih bidang pengajian yang selaras dengan minat dan kehendak mereka tetapi permasalahan timbul apabila terdapat di antara pelajar yang mengikuti kursus-kursus pengajian di universiti adalah bukan pilihan dan minat utama mereka.

Minat merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang yang dipelajari (Minghat, Selamat & Mohd Rejab, 2010). Minat kerjaya adalah kecenderungan pelajar terhadap sesuatu kerjaya dan segala minat terhadap aktiviti pekerjaan. Rasa suka terhadap sesuatu bidang tertentu dan semangat untuk belajar mengenainya. Jika seseorang itu berminat terhadap sesuatu kerjaya maka

individu tersebut akan lebih berusaha untuk mencapai atau mendapatkan peluang pekerjaan yang diminatinya (Minghat *et al.*, 2010).

Minat pelajar memainkan peranan yang penting kerana ia akan mempengaruhi prestasi kerja seseorang (Mat Jusoh, 2012). Pencapaian yang tinggi akan terhasil apabila seseorang berminat dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Minat akan memotivasikan seseorang individu untuk mencapai sesuatu yang dihasratkan (Yusof, 2013). Minat boleh mempengaruhi individu dalam pemilihan kerjayanya. Dari minat akan datang keazaman untuk menggapai kejayaan (Mat Jusoh, 2012).

### **2.3 Kerjaya**

Menurut Kamus Dewan, kerjaya adalah profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah. Menurut Mansor (2013), kerjaya bagi seseorang individu itu adalah untuk menentukan kehidupan mereka pada masa hadapan. Katanya lagi, proses memilih dan merancang kerjaya adalah proses yang terpenting dalam kehidupan seseorang. Manakala Jait, Mohamad dan Mohamed Ramli (2010) pula mengatakan kerjaya adalah satu rangkaian pekerjaan atau pengalaman yang dilakukan oleh seseorang itu dalam jangkamasa tertentu bagi menjalankan tanggungjawabnya.

#### **2.3.1 Teori Pemilihan Kerjaya Holland**

Teori ini telah diperkenalkan oleh John L. Holland pada tahun 1959 dan telah dikemaskinikan pada tahun 1985. Teori ini menekankan kepada aspek keselarasan personaliti dengan persekitaran dan menjelaskan bagaimana personaliti terbentuk dan berkembang. Menurut kajian Gottfredson dan Johnston (2009) Teori Holland

dibangunkan untuk menerangkan, memahami dan meramalkan pilihan vokasional yang dibuat oleh individu termasuklah bidang pengajian dan pekerjaan.

Fokus utama Teori Pemilihan Kerjaya Holland adalah untuk menjelaskan tentang tingkah laku vokasional serta mencadangkan beberapa idea praktikal untuk menolong individu memilih kerja, menukar kerja serta memperolehi kepuasan bekerja. Pemilihan kerjaya adalah satu ekspresi personaliti individu. Kepuasan kerja, pencapaian, produktiviti dan stabiliti adalah berkadar terus dengan darjah keselarasan antara jenis personaliti individu dengan jenis persekitaran dimana individu tersebut bekerja. Ini bermakna semakin tinggi darjah keselarasan antara jenis personaliti dengan jenis persekitaran dimana individu tersebut bekerja, semakin tinggi kepuasan bekerja, pencapaian, produktiviti dan stabiliti.

Menurut Mohd Noah (2002), Teori Pemilihan Kerjaya Holland merupakan hasil kajian Holland terhadap personaliti. Teori ini dibentuk berasaskan andaian bahawa minat vokasional adalah satu daripada aspek personaliti dan oleh yang demikian, deskripsi tentang minat individu juga menggambarkan personaliti seseorang. Tret-tret personaliti biasanya dikenalpasti melalui kecenderungan terhadap matapelajaran sekolah, aktiviti-aktiviti rekreasi, hobi dan kerja, sementara minat vokasional boleh digambarkan sebagai ekspresi personaliti.

Kajian Mohd Noah (2002) juga menyatakan Teori Holland telah mengkategorikan individu kepada salah satu daripada enam kategori yang diberikan oleh Holland berdasarkan pengamatannya terhadap budaya masyarakat Amerika. Enam personaliti tersebut ialah Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E), dan Konvensional (K).

Berdasarkan kepada enam kategori individu tersebut, Holland telah mencadangkan enam personaliti individu yang boleh dipadankan dengan pekerjaan tertentu, iaitu:

(i) Realistik (R)

Gemarkan kerja-kerja berat yang memerlukan kemahiran dan praktikal. Individu realistik biasanya akan memilih kerjaya yang akan membenarkan mereka mengekspresi segala ciri yang dimiliki oleh mereka. Kerjaya yang mereka pilih

adalah seperti mekanik, juruteknik, tukang kayu dan lain-lain. Ciri-ciri yang dimiliki mereka ialah tidak sosial, akur, jujur, tulen, keras kepala, materialistik, keras hati, tidak menyendiri dan lain-lain.

(ii) Investigatif (I)

Sesuai dengan pekerjaan yang lebih memerlukan pemikiran dari perbuatan seperti ahli kimia, ahli fizik, penyelidik, doktor dan lain-lain. Individu *investigative* (penyiasat) mempunyai ciri-ciri analitikal, berhati-hati, *introvert*, kritikal, kompleks, ingin tahu, rasional, menyisih diri, pendiam dan lain-lain.

(iii) Artistik (A)

Berjiwa artistik sama ada dalam bidang muzik atau seni. Individu artistik menyukai aktiviti-aktiviti yang kabur, bebas dan tidak sistematik yang memerlukan mereka memanipulasi bahan-bahan dan perkataan, disamping menghindari aktiviti-aktiviti yang eksplisit, sistematik dan berperaturan. Ciri-ciri yang mereka miliki ialah rumit, tunggang tebalik, emosional, ekspresi, idealistik, imaginatif, bebas, intuitif dan lain-lain. Mereka lebih cenderung memilih kerjaya seperti penyair, pelakon, penyanyi, pelukis, pengarang dan arkitek.

(iv) Sosial (S)

Individu sosial adalah individu yang suka bekerja dan berinteraksi dengan orang lain seperti memberitahu, melatih, mendidik, memperkembang dan mengubati disamping menghindari aktiviti-aktiviti eksplisit, berstruktur dan aktiviti yang melibatkan bahan, peralatan dan mesin. Mereka mempunyai ciri-ciri seperti berpengaruh, berkerjasama, sabar, peramah, pemurah, suka menolong, idealistik, empati, baik hati dan lain-lain. Mereka meminati kerjaya seperti pendidik, ahli psikologi, pegawai kebajikan dan kaunselor.

e) Enterprising (E)

Individu *enterprising* atau berdaya usaha menyukai aktiviti-aktiviti memanipulasi individu lain seperti mengarah, memujuk, memimpin dan bijaksana untuk mencapai matlamat organisasi dan keuntungan ekonomi disamping menghindari aktiviti-aktiviti pemerhatian, simbolik dan sistematik.

Mereka mempunyai ciri-ciri seperti sukakan pencapaian, suka mengembara, mudah bersetuju, bercita-cita tinggi, angkuh, bertenaga, suka menunjuk, menggembarakan, berusaha, yakin diri dan lain-lain. Kerjaya yang mereka pilih ialah seperti ahli politik, pengurus, eksekutif dan perniaga.

f) Konvensional (K)

Individu yang suka bekerja dengan data dan nombor. Memiliki minat, kecekapan, persepsi diri, melakukan sesuatu secara terperinci, bersifat akur dan mengikut arahan. Digambarkan sebagai individu yang stereotaip dan tidak asli, sentiasa kemas, dan konservatif. Contoh kerjaya adalah seperti akauntan, setiausaha atau operator.

Menurut Chauvin, Miller dan Eaton (2011), kesahihan teori Holland bukan saja kepada keupayaan mengenalpasti personaliti tetapi juga dapat menentukan ciri-ciri kerjaya dengan tepat. Teori Holland telah memberi sumbangan dan telah diaplikasikan dengan meluas dalam pelbagai bidang seperti membantu dalam pemilihan kerjaya, penyelidikan dalam sains sosial, pendidikan, perniagaan dan perindustrian. Alat-alat ukuran untuk mengukur jenis personaliti serta aspek-aspek lain telah dirangka dan diperkenalkan seperti *Vocational Preference Inventory* (VPI), *Self-Directed Search* (SDS), *Vocational Exploration and Insight Kit* (VEIK) dan *My Vocational Situation Inventory* (MVS) (Mohd Noah, 2002).

#### 2.4 Kajian Mengenai Faktor Jantina Dalam Pemilihan Kerjaya

Faktor jantina adalah faktor yang sangat mempengaruhi minat dan pemilihan kerjaya pelajar. Biasanya pelajar lelaki dan perempuan mempunyai minat dan haluan yang berbeza. Kajian Kifer (1975) telah membuktikan bahawa memang terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dalam perkembangan dan pembentukan sikap. Pencapaian akademik yang berbeza memberi kesan yang tidak sama terhadap sikap mereka.

Walau bagaimanapun, menurut Jaafar (1986) yang telah mengkaji perkaitan antara jantina dan minat kerjaya di kalangan pelajar tingkatan empat menggunakan soal selidik yang telah diubahsuai daripada *Vocational Preference Inventory* berdasarkan 6 persekitaran Holland, telah memperlihatkan keputusan yang berbeza dimana tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat kerjaya pelajar lelaki dan perempuan. Selain Jaafar, kajian Abdullah (2001) juga memperlihatkan keputusan yang sama yang mana menurut kajiannya tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa mengenai minat kerjaya.

Tetapi Mansor (2001) dalam kajiannya menegaskan bahawa minat kerjaya antara pelajar lelaki dan perempuan sememangnya mempunyai perbezaan. Pelajar lelaki dilihat lebih meminati ciri-ciri pekerjaan yang melibatkan penggunaan mesin dan tangan (*hands-on*), menggunakan daya imaginasi dan kreativiti dan memilih pekerjaan yang menawarkan gaji yang lumayan. Manakala dalam kajian Mohammad (1987) menyatakan wanita lebih berminat dengan aktiviti kewanitaan seperti kesenian dan personal-sosial.

Sementara itu, Tomlinson dan Even-Hughes (1992) yang menggunakan teori Holland dengan enam jenis personaliti RIASEK (realistik, investigatif, artistik, sosial dan konvensional) menunjukkan pelajar lelaki lebih berminat kepada kerjaya yang realistik berbeza dengan pelajar perempuan yang lebih cenderung kepada personaliti artistik.

## 2.5 Pendedahan

Pendedahan awal kerjaya adalah penting kerana ia merupakan pendedahan kepada pengetahuan dan pengalaman, khususnya dalam kemahiran komunikasi (Mansor, 2013). Pengetahuan mengenai kerjaya adalah perlu supaya individu dapat membuat penilaian yang betul untuk masa hadapannya. Pengetahuan boleh diperolehi dari pelbagai sumber samada bacaan, iklan dan sebagainya. Menurut Mansor (2013) fenomena pelajar kurang

berpengetahuan tentang sesebuah pekerjaan juga boleh menyebabkan pemilihan kerjaya mereka kurang bersesuaian dan tidak tepat.

Menurut Rowan-Kenyon, Perna & Swan (2011) apabila pelajar ditanya mengenai sumber maklumat kerjaya yang mereka perolehi, mereka selalu menjawab sumber tersebut diperolehi daripada pembelajaran di dalam kelas iaitu melalui guru, dan juga ibu bapa atau keluarga. Perbualan biasa seperti itu secara tidak langsung akan memberikan input kepada individu dalam mengetahui sesuatu yang tidak pernah diketahuinya sebelum ini.

### **2.5.1 Unit Bimbingan dan Kaunseling.**

Unit Bimbingan dan Kaunseling adalah pendekatan yang amat berkesan dalam memberi pengetahuan kerjaya kepada pelajar. Menurut Mansor (2013), kaunseling membantu pelajar membina kecekapan, membuat keputusan dan merancang masa depan manakala bimbingan pula merupakan sebahagian daripada pendidikan dan tidak terhad kepada bimbingan dalam sudut penyampaian ilmu pengetahuan semata-mata.

Kaunseling kerjaya boleh membantu individu untuk mengatasi kebimbangan dengan membantu mereka memberi tumpuan pada hasil yang positif (Vianen, De Peter, & Preenen, 2009). Oleh itu, sekolah mahupun institusi-institusi pengajian lain seharusnya menyediakan khidmat Unit Bimbingan dan Kaunseling dalam membantu pelajar membuat keputusan tentang pemilihan kerjaya mereka kelak.

Gysbers (2013) dalam kajiannya mengenai Kesediaan Kerjaya Pelajar mengatakan, pelajar yang mempunyai kesediaan kerjaya yang cukup adalah pelajar yang proaktif, berdaya tahan, dan mempunyai kemahiran berkomunikasi untuk mencapai kerjaya pilihannya dan seterusnya menerima kepuasan dalam hidup. Mereka mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan untuk membayangkan masa hadapan mereka.



Gysbers menyatakan kaunseling sekolah telah menjadi program pembangunan yang memberi tumpuan kepada pencegahan dan pemulihan. Sebagai program pembangunan, ianya haruslah mempunyai kandungan asas kekuatan (*strength-based content*) yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan perwatakan yang menyumbang kepada pembangunan keseluruhan pelajar terhadap kesediaan kerjaya mereka. *Strength-based content* yang dimaksudkan adalah meliputi tiga domain iaitu pembangunan akademik, pembangunan kerjaya dan pembangunan personal atau sosial.

Untuk menyediakan pelajar dengan *Strength-based content*, program kaunseling sekolah yang komprehensif akan menggunakan sistem penyampaian secara langsung (*direct-service delivery system*) yang terdiri daripada kurikulum bimbingan (*guidance curriculum*), perancangan individu pelajar (*individual student planning*) dan perkhidmatan responsive (*responsive services*).

a) Kurikulum Bimbingan (*Guidance Curriculum*)

Disampaikan secara sistematik dan berturutan di dalam bilik darjah. Kaunselor sekolah akan menyusun dan menjalankan sesi kumpulan besar, seperti hari kerjaya dan hari kolej. Walaupun tanggungjawab kaunselor sekolah adalah penganjuran dan melaksanakan kurikulum bimbingan, kerjasama dan sokongan daripada keseluruhan jabatan dan kakitangan adalah perlu bagi menjayakan pelaksanaan itu. Ibu bapa atau penjaga juga akan dijemput untuk memberikan input terhadap kurikulum bimbingan yang diajar di sekolah anak-anak mereka dan mereka digalakkan untuk mengukuhkan kurikulum bimbingan sebagai pembelajaran di rumah.

b) Perancangan Individu Pelajar (*Individual Student Planning*)

Menurut *Rennie Center for Education Research and Policy 2011* dalam Gysbers (2013), pelan pembelajaran pelajar selalu dirujuk sebagai “peta jalan” yang akan membantu pelajar dalam mencipta kursus yang sejajar dengan keperluan kelulusan sekolah. Pelan pembelajaran adalah dokumen dinamik yang akan dikemaskini secara berkala oleh pelajar mengenai perubahan matlamat kerjaya mereka. Pelan tersebut dibangunkan secara kolaberatif oleh pelajar, ibu bapa, staf sekolah termasuklah guru dan kaunselor pembimbing. Pelajar menggunakan

pelan tersebut untuk memikirkan secara mendalam dan seterusnya mencatat segala kemahiran, hobi, pencapaian, rekod akademik, matlamat, minat kerjaya dan lain-lain maklumat yang relevan bagi mereka sebagai individu.

c) Perkhidmatan Responsif (*Responsive Services*)

Pelajar yang mempunyai kesediaan kerjaya ini tahu bagaimana untuk melibatkan diri dan memainkan peranan dalam kehidupannya. Ini menunjukkan mereka tahu betapa pentingnya pendidikan dan mereka harus menamatkan pengajian dengan cemerlang untuk mencapai target kerjaya yang diinginkan dengan mengambil bahagian dalam setiap peluang yang datang.

Oleh itu, menurut Gysbergs, kesediaan kerjaya di kalangan pelajar adalah sangat penting seperti yang ditekankan dalam kajiannya mengenai kepentingan Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah.

### 2.5.2 Program Kerjaya

Berdasarkan kajian oleh Rowan-Kenyon *et al.*, (2011), kebanyakan sekolah akan mengadakan program formal untuk mempromosikan atau memberi pendedahan mengenai pembangunan kerjaya. Terdapat pelbagai variasi yang disediakan oleh pihak sekolah.

Sebagai contoh, pelajar bertaraf sekolah *high resources* di Georgia akan mengakses kepada satu sistem yang dikenali sebagai *Georgia Career Information System*, iaitu satu *tool* yang disediakan oleh *Georgia State University* untuk membantu pelajarannya dalam proses menentukan kerjaya. Berlainan pula dengan pelajar sekolah *low and middle resources* di Pennsylvania yang menerima *Armed Services Vocational Aptitude Battery* iaitu satu program eksplorasi yang dijalankan secara percuma oleh pihak tentera di sekolah-sekolah jenis *low and middle resources*. Ini menunjukkan bahawa pendedahan kerjaya itu penting kepada pelajar walaupun pihak sekolah

kekurangan fasiliti yang sepatutnya. Pihak sekolah dengan inisiatif sendiri akan berusaha untuk memberikan pendedahan kerjaya kepada pelajar dengan sebaiknya.

Persediaan pelajar dalam memilih kerjaya sering dilihat sebagai tugas yang berat oleh mereka. Ini adalah kerana mereka tidak mempunyai asas yang cukup untuk dijadikan panduan dalam menilai baik buruk sesuatu pekerjaan. Dalam kajian Koivisto, Vinokur dan Vuori (2011), pelajar dikehendaki mengikuti bengkel selama seminggu untuk meningkatkan persediaan pelajar dalam perancangan dan pemilihan kerjaya. Menurut Koivisto *et al.*, (2011), teori kerjaya menekankan dua jenis faktor yang berbeza yang mempengaruhi keputusan dan pelaksanaan kerjaya iaitu:

a) Faktor kemahiran

Crites memformulasikan model kematangan kerjaya yang mengandungi lima pilihan kemahiran kerjaya iaitu pengetahuan sendiri, maklumat pekerjaan, pemilihan matlamat, perancangan dan penyelesaian masalah.

b) Faktor sikap

Faktor sikap pula merujuk kepada ciri-ciri positif terhadap pembangunan, perancangan dan eksplorasi kerja.

Walau bagaimanapun, kecekapan dalam memilih kerjaya sahaja tidak menjamin bahawa remaja akan berjaya dalam dalam bidang tersebut. Oleh itu, remaja perlu membangunkan sikap positif dalam merancang kerjaya. Hasil daripada bengkel tersebut, pelajar didapati lebih bersikap terbuka dan positif terhadap perancangan kerjaya mereka.

## 2.6 Pemilihan Kerjaya

Kebanyakan individu keliru dan bertungkus lumus dalam membuat pemilihan kerjaya terutamanya apabila terpaksa memilih antara pendidikan, vokasional dan pekerjaan pilihan. Golongan muda khususnya, setelah mengalami fasa peralihan daripada alam persekolahan ke alam pekerjaan sering mengalami kebimbangan (*indecision*), kekeliruan dan tidak dapat memutuskan kerjaya yang mereka inginkan (Vianen *et al.*, 2009).

Selalunya, antara persoalan yang sering kedengaran daripada pelajar-pelajar yang akan menamatkan pelajaran adalah, “Apakah kerja yang akan saya lakukan dan apakah pekerjaan yang dapat saya jawat sekiranya saya memilih jalan kerjaya ini?” dan “adakah saya membuat pilihan yang betul?”. Persoalan-persoalan ini sering berlegar-legar dalam pemikiran pelajar dalam menentukan arah pekerjaan yang akan mereka rasai kelak (Mansor, 2013).

Setiap individu perlu membuat keputusan mengenai kerjaya dan mereka perlu menyesuaikan masalah yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya kerana kerjaya merupakan kegiatan utama dalam menentukan cara serta gaya hidup seseorang. Dalam dunia pekerjaan yang semakin kompleks, pemilihan kerjaya telah menjadi masalah utama. Dalam hal ini, pemilihan kerjaya melibatkan tiga perkara, iaitu mengenal diri, mengenal dunia pekerjaan dan memadankan diri dengan pekerjaan (Abdullah, 2001).

Pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan minat dan kehendak individu adalah penting bagi menjamin kualiti dan kredibiliti individu tersebut dalam kerjayanya. Oleh itu, pemilihan kerjaya yang tepat berdasarkan minat, kemahiran dan personaliti amat penting agar sesuatu kerja yang dilakukan itu memuaskan, cemerlang dan individu tersebut kekal dalam bidang yang diceburinya.

Boon dan Ilias (2011) dalam kajiannya menjelaskan terdapat pelbagai jenis gaya pemilihan kerjaya yang diamalkan oleh para pelajar iaitu:

- (i) Terdapat pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang skop pemilihan kerjaya kerana kurangnya pengetahuan dan tidak mahu mengenali jenis kerjaya yang baru. Mereka lebih mudah memilih kerjaya berdasarkan apa

## RUJUKAN

- Abd Ghaffar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghani, F., & Ahmad Kamil, N. R. (2011). *Tret Personaliti dan Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Bidang Perguruan di Kalangan Pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul Kadir, N. B. & Desa, A. (2004). Social support and cheerful: A preliminary survey of higher learning institution. *Journal of Social Science and Humanities*, 4(1), 106-113.
- Abdullah, N. H. (2001). *Kajian Terhadap Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdullah, N. (2006). *Keselarasan Personaliti Dengan Program Pengajian Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar KUTKM*. Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana
- Amla, M. S. (1984). *An Investigation of the Realibility, Validity and Translation of Holland's Directed-Search for Utilization by a Malaysian Population*. Unpublished Doctoral Dissertation Western, Michigan University.
- Basir, M. (2004). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Kerjaya Di Kalangan Professor Dan Professor Madya Di Universiti Malaysia Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak: Tesis Sarjana muda.

- Boon, Y., & Ilias, S. Z. M (2011). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Profesion Perguruan di Kalangan Pelajar Tahun 4 Perdana, Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*, 1, 22-40/ISSN: 2231-7376
- Buntat, Y. & Hassan, K. (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Perguruan Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Che Din, M. F. (2002). *Pengantar Bimbingan dan Kaunseling*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Che Yaacob, A. & Ramli, A. H. (2003). *Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Bakal Graduan: Satu Perbandingan Gender di UITM Cawangan Johor*. Universiti Teknologi Mara.
- Chua, Y. P. (2006). *Research Methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Coulter-Kern, R. G., Coulter-Kern, P. E., Schenkel, A. A., Walker, D. R., & Fogle, K. L. (2013). Improving Student's Understanding of Career Decision-making through Service Learning. *College Student Journal*, 47(2).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my>
- Faitar, G. M. & Faitar, S. L. (2013). Gender Gap and STEM Career Choices in 21<sup>st</sup> Century American Education. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 106 (2013), 1265 – 1270. Turkey: Elsevier Ltd.
- Ginzberg, E., Ginsburg, S. W., Axelred, S. & Herma, J. L. (1966). *Occupational Choice: An Approach To A General Theory*. New York and London: Columbia University Press.
- Geoffrey, K. (1985). *Congrunce, Locus of Control and reading of English College Students*. Laporan daripada Education Resource information Center (ERIC).
- Gysbers, N. C. (2013). Career-Ready Student: A Goal of Comprehensive School Counseling Programs. *The Career Development Quarterly*, 61. DOI: 10.1002/J.2161 -0045.2013.00057.x

- Jaafar, A. B. (1986). *Kajian antara Jantina dan Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan 4 di Dua Buah Sekolah Menengah di Melaka*. Latihan Ilmiah Universiti Pertanian Malaysia.
- Hamat, R. (2001). *Fungsi Program Persediaan Kerjaya: Satu Kajian Kes di Kalangan Siswazah Program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Holland, J. L. (1973). *Making Vocational Choice: A Theory Of Careers*. Englewood Cliff. Prentice Hall: New Jersey.
- Holland, J. L. (1973). *Making Vocational Choice: A Theory Of Personalities, Type and Model Environment*. Waltham Massachusetts: Braisiel.
- Holland, J. L. (1985). *Making Vocational Choice: A Theory Of Vocational and Work Environment*. Englewood Cliff. Prentice Hall: New Jersey.
- Holland, J. L., Powell, A. & Fritzsche, B. (1994). *SDS professional user's guide*. Odessa, FL: Psychological Assesment Resources, Inc.
- Isaac, L. E. & Brown, D. (2000). *Career Information, Career Caunseling And Career Development*. Boston: Allyn & Bacon.
- Iyengar, S. S. & Lepper, M. R. (2000). When Choice is Demovating: Can One Desire Too Much of a Good Thing?. *Journal of Personality and Psychology*, 79(6), 995-1006.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2013). *Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia, September 2013*. Pejabat Ketua Perangkawan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jait, K. A., Mohamad, R., & Mohamed Ramli, M. J. (2010). *Minat Kerjaya di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Perbandingan Berdasarkan Etnik, Jantina dan Persekitaran Tempat Tinggal*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Kertas Kerja Program Sarjana Bimbingan & Kaunseling.
- Kamus Dewan. *Carian PRPM @ DBP Malaysia* (2013). Dicapai pada Mac 5, 2013 daripada <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Kifer, E. (1975). Relationship between Academic Achievement and Personality Characteristic: A Quasi-Longitudinal Study. *American Education Research Journal*.

- Koivisto, P., Vinokur, A. D., & Vuori, J. (2011). Effects of Career Choice Intervention on Components of Career Preparation. *The Career Development Quarterly*, 59. Global Visions.
- Konting, M. M. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Kubiszyn, T. & Borich, G. (2000). *Educational Testing and Measurement: Classroom Application and Practice* (6<sup>th</sup> edition). New York: John Wiley.
- Mansor, M. (2001). *Tinjauan Terhadap Faktor-faktor yang Berkaitan Pemilihan Kerjaya Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mansor, N. (2012). *Kebekesanan Perkhidmatan Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya dalam Membantu Kerjaya Pelajar Politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Marican, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall Malaysia.
- Mark, J. M. (2003). Do Types Influence Types? Examining the Relationship Between Students' and Parents' Holland Codes (Students' and Parents' Holland Codes). *Academic Journal Article from College Student Journal*, 2(37).
- Mat Arif, N. (2012). *Pelaksanaan Transformasi Politeknik Premier di Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mat Jusoh, N. (2012). *Keperluan Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat SMV dalam Pemilihan Kerjaya*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mat Russ, A. (2009). *The Effect of Knowledge Enablers on Knowledge Management Process: A Case Study of Kolej Matrikulasi Perak*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Sarjana.



- Minghat, A. D., & Mansor, N. Z. (2010). *Pemilihan Bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik sebagai Pembentukan Awal Kerjaya di Sekolah Menengah Teknik Daerah Seberang Perai, Pulau Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Minghat, A. D., Selamat, K., & Mohd Rejab, H. (2010). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesiediaan Pelajar-Pelajar Aliran Vokasional untuk Memilih Kerjaya dalam Bidang yang Dipelajari*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Minhat, N. (2004). *Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Aliran Perdagangan Sekolah Menengah Teknik: Satu Kajian Kes*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohamad, M. K. (2012). *Pengaruh Minat Terhadap Prestasi Pelajar Program Diploma Kemahiran Mara*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mohammad, W. I. (1987). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pilihan Kerjaya*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.
- Mohd Noah, S., & Jaamat, M. A. (1998). Keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sembilan. *Pertanika Journal Social Science & Human*, 6(1), 63-70.
- Mohd Noah, S. (1998). *Pengujian Dalam Psikologi Dan Kaunseling*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Noah, S. (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ripin, M. N., & Abdul Fatakh, A. F. (2010). *Faktor Pendorong Pemilihan Kerjaya Perguruan di Kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan, UTM Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia. pp 1-9.
- Rowan-Kenyon, H. T., Perna, L. W., & Swan, A. K. (2011). Structuring Opportunity: The Role of School Context in Shaping High School Students' Occupational Aspirations. *The Career Development Quarterly*, 59, 330-344. DOI: 10.1002/j.2161-0045.2011.tb00073.x

- Sabar, S. & Khalid, M. (2005). Kertas Konsep Faktor-faktor Graduan Bekerjaya Memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah-Pengkhususan Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 6. 35-52.
- Super, D. E. (1972). *The Psychology of Career*. New York: Harper and Row.
- Tomlison, S. M. & Evans-Hughes, G. (1992). Gender Ethnicity and Collage Student's Responses to the Strong Campbell Interest Inventory. *Journal of Counseling and Development*. 70, 151-155.
- Vianen, A. E. M., De Peter, I. E., & Preenen, P. T. Y. (2009). Adaptable Careers: Maximizing Less and Exploring More. *The Career Development Quarterly*, 57.
- Yahaya, A., Ghaffar, M. N., Damiri, N. & Ismail, S. (2005). Ciri-Ciri Personaliti Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar, Gaya Pembelajaran Pelajar Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik. *International Conference On Learning And Motivation*, 10-12 September 2005.
- Yusof, Y. (2013). *Faktor Pemilihan Kerjaya Kejuruteraan dalam Kalangan Pelajar Wanita Pelbagai Jenis Personaliti di Politeknik Negeri Kedah*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Yussof, I., Ismail, R., & Sidin, R. (2008). Graduan dan Alam Pekerjaan: Kes Siswazah UKM. *Akademika*, 3-24.
- Zamzam Amin, N. S. R. (2009). *Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya kepada Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia Dalam Pemilihan Kerjaya: Satu Kajian Kes*. Universiti Malaysia Sarawak: Tesis Sarjana.